

Headline	36 pasukan sertai liga remaja		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	10 Jan 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Sukan	Page No	46
ArticleSize	226 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 23,283		



# 36 pasukan sertai liga remaja

**Kuala Lumpur:** Liga Hoki Remaja Kebangsaan Tenaga Nasional Berhad (TNB) 2016 musim ini menjanjikan saingan lebih menarik dengan 36 pasukan mengambil bahagian untuk merebut hadiah keseluruhan bernilai RM144,000.

Semua pasukan sudah didaftarkan oleh Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) dan ia dijadual berlangsung dari 15 Januari sehingga 13 Mac ini di sembilan lokasi seluruh negara.

Ia membabitkan saingan Divisyen Satu berbentuk liga dan dua pasukan terbaik akan mara ke pusingan akhir.

## Peringkat zon

Selain itu, 26 pasukan lain akan beraksi dalam Divisyen Dua yang dibahagikan kepada tiga kumpulan serta bersaing di peringkat zon yang mana zon utara terdiri daripada sembilan pasukan manakala zon selatan mempunyai lapan pasukan.

## Pasukan Liga Remaja Kebangsaan TNB 2016

© **Divisyen 1 - SSTMI**  
Thunderbolts, SSTMI Jrs, Politeknik Malaysia, SMK Dato Bentara Luar Young Guns (Johor); UniKL Young Guns, Sekolah Sukan Bukit Jalil Thunderbolts (KL); Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ), Olak PKT Harimau (Selangor); Nur Insafi-Hockey (Pulau Pinang) dan SSP / MSP Thunderbolts (Pahang).

© **Divisyen 2 Kumpulan A:**  
MSSP / PHP Perlis Young Lion Jr, MSN / PHP Perlis Young Lion, SM Agama (MATRI) Perlis, MSSD Larut Matang Selama, MSS Kedah, Pulau Pinang MSSPP, KHA Kedah Juniors, SERATAS dan MCKK.

Dalam pertembungan itu, dua pasukan teratas setiap kumpulan akan mara ke pusingan kedua dan pemenang

© **Divisyen 2 Kumpulan B:**  
Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Felda Juniors, Anderson Thunderbolt, MSNBC / ILHC, Anderson PHA, Sekolah Sukan Bukit Jalil Juniors, MSSWPKL dan MISCF-UFL.

© **Divisyen 2 Kumpulan C:**  
Tunku Besar Sekolah Menengah Tampin, Malacca High School-Hercules, taufan Muda, SMK Dato Mohd Taha, Sekolah Sukan Malaysia Sabah, MSNT / PHT, Blackwater USA Hoki Pahang, Sekolah Dato Bentara Luar Jr dan SM Sains Johor.

kumpulan layak ke perlawanan akhir.

Empat pasukan dalam Divisyen Satu dan Dua akan bermain dalam Piala Remaja TNB menggunakan sistem kalah mati. Juara akan menerima RM25,000,

naib juara RM20,000, ketiga (RM13,000) dan keempat (RM10,000).

Timbalan Presiden MHC yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan, George Koshy, berkata saingan kalah mati Divisyen Satu akan bermula selepas tamatnya saingan di peringkat liga.

"MHC akan menyalurkan geran sebanyak RM3,000 kepada setiap pasukan selain menaikkan jumlah hadiah wang tunai kepada RM144,000, iaitu peningkatan 10 peratus berbanding RM128,500 tahun lalu

"Demi kepentingan kejoanan dan pembangunan pemain remaja, kami memutuskan untuk menerima permohonan selepas tarikh tutup penyertaan pada 21 Disember lalu demi manfaat hoki negara," kata Koshy pada sidang media di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, semalam. - **Oleh Mohd Khairie Khalid**